



Pengurniaan Watikah Ahli MAINPP ms 02

Majlis Penyerahan Bantuan Pendidikan ms 03

Apa Itu Harta Luqatah? ms 09



PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfurlah yang baru-baru ini telah mencemar duli berangkat ke negeri Pulau Pinang bagi menyempurnakan Majlis Pengurniaan Watikah Pelantikan Ahli Majlis Agama Islam & Hakim serta Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang.

Majlis gilang gemilang yang bertempat di Hotel Equatorial, Bukit Jambul, Pulau Pinang berlangsung selama dua jam dihadiri oleh sebahagian pegawai dan kakitangan seluruh agensi dan jabatan-jabatan kerajaan dan diserikan dengan kehadiran T.Y.T. Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertuan Negeri Pulau Pinang serta YB. Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman Timbalan Ketua Menteri 1.



Baginda turut bertitah supaya Majlis Agama Islam sewajibnya berfungsi sebagai sebuah dewan pemikiran dan pentadbiran Islam di bawah naungan, pengawasan dan pemantauan langsung Yang di-Pertuan Agong. Bukan itu sahaja, Majlis Agama Islam juga perlu berperanan sebagai jambatan penghubung antara umat Islam dengan raja pemerintah, antara umat Islam dengan kerajaan pilihan rakyat, dan antara umat Islam dengan warga bukan Islam.



Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Hakim serta Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang



UPKK PULAU PINANG CATAT KECEMERLANGAN TERBAIK



Gambar Ihsan Buletin Mutiara

Tahniah untuk negeri Pulau Pinang apabila muncul sekali lagi sebagai negeri yang mendapat pencapaian terbaik bagi Ujian Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (UPKK) bagi tahun 2018.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata beliau berharap Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) akan terus berusaha meningkatkan mutu pendidikan negeri, agar kelak menjadi penanda aras di peringkat kebangsaan. Hadir bersama Yang Dipertua MAINPP, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Pengerusi Jawatankuasan Pendidikan MAINPP, Syed Mohamad Nazli Syed Ahmad.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PENDIDIKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI 2018

Bertempat di Dewan Millenium, Kepala Batas, Pulau Pinang telah berlangsung Majlis Penyerahan Bantuan Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi Dalam Negara Untuk Sesi Akademik 2016/2017.

Majlis ini dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) dan dirasmikan oleh Dato' Abdul Malik bin Abul Kassim, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Sejumlah 1600 orang penerima bantuan terdiri dari pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di institut pengajian tinggi dalam negara dari pelbagai bidang. Jumlah bantuan yang disalurkan pada kali ini adalah sebanyak RM3,901,000.00 daripada Zakat Pulau Pinang. Bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM2,000 kepada pelajar yang mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda dan RM1,500 pada peringkat diploma.

Dengan adanya sumbangan ini, sudah pasti bantuan yang disalurkan ini sedikit sebanyak membantu dalam menampung pengajian para penerima sekalian. Angka ini juga memberi gambaran bahawa umat Islam negeri ini sangat mementingkan pendidikan.



Gambar Ihsan Bahagian Pendidikan, JHEAIPP



Para penerima bantuan pendidikan beratur semasa sesi pendaftaran

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PAJAKAN PEMBINAAN HOSPITAL ISLAM PULAU PINANG DI ANTARA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG DENGAN YAYASAN ISLAM PULAU PINANG

SERTA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM KERJASAMA DI ANTARA ZAKAT PULAU PINANG DENGAN KHALAZ INSPIRED SDN. BHD.

Hasrat untuk mendirikan Hospital Islam Pulau Pinang yang terletak di Jalan Mayang Pasir, Bayan Baru, dengan keluasan 2.54 ekar tanah wakaf bakal terlaksana dengan adanya Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan Pembinaan Hospital Islam Pulau Pinang Di Antara Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Dengan Yayasan Islam Pulau Pinang. Berkonsepkan hospital patuh syariah, ia merupakan hospital Islam pertama di utara yang bercirikan wakaf dan zakat.

Pada masa yang sama, turut diadakan Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama Di Antara Zakat Pulau Pinang Dengan Khalaz Inspired Sdn. Bhd. Fokus utama usahasama ini adalah untuk mencari dan melatih usahawan asnaf yang berkelayakan untuk menceburi perniagaan secara dalam talian.

Zakat Pulau Pinang, anak syarikat kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang akan menyediakan fasiliti bagi tujuan latihan kepada golongan asnaf yang berjaya terpilih dan berkelayakan untuk mengikuti program ini dan Syarikat Khalaz Inspired Sdn. Bhd. akan melatih peserta-peserta yang terpilih ini untuk mengikuti kursus perniagaan secara dalam talian. Bakal usahawan asnaf juga akan dilengkapi dengan kemahiran bagi mengendalikan perniagaan secara dalam talian melalui penggunaan aplikasi seperti Facebook Exchange (FBX), Instagram & Google.



FAKTA KES TANAH WAKAF ABDUL CAUDER, JALAN MENGKUANG

Seramai 32 penghuni sudah berpindah sejak tahun 2010 dan MAINPP telah menanggung kos RM500.00 untuk sewa bulanan kepada 32 penghuni tersebut selain daripada bayaran elaun pindah keluar sebanyak RM4,000.00 sejak 9 tahun yang lalu. Sepatutnya pada tahun 2012 atau 2013 rumah yang bakal dibangunkan di atas tapak Tanah Wakaf Abdul Cauder telah siap dibina dan mereka boleh kembali ke rumah baru yang berkeluasan 1,000 kaki persegi. Walau bagaimanapun, 14 penghuni masih enggan untuk keluar sehingga MAINPP menyaman mereka di Mahkamah Seksyen, Butterworth. Keengganan mereka untuk keluar dari tapak tanah Wakaf tersebut telah menyebabkan :-

- i) **MAINPP perlu menanggung kos sewa bulanan untuk 32 penghuni bagi tempoh 9 tahun kerana projek pembangunan di Tanah Wakaf Abdul Cauder telah tertangguh dan tidak dapat dilaksanakan sebagaimana di dalam cadangan pembangunan.**
- ii) **Penangguhan ini juga membawa implikasi terhadap peningkatan kos pembinaan pangsapuri sehingga mencecah nilai jutaan ringgit. Rumah yang akan dibina pada tahun 2020 kosnya jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahun 2010.**
- iii) **Dengan wujudnya pembangunan Tanah Wakaf di sekitar Masjid Abdul Cauder, MAINPP boleh menempatkan hampir 470 keluarga Muslim di situ berbanding 46**

buah keluarga. Ini akan menambahkan lagi komuniti Muslim di kawasan Butterworth dan dapat mengimarahkan Masjid Abdul Cauder khususnya seterusnya menyalurkan pahala berterusan kepada pewakaf.

iv) **Fakta bahawa penghuni telah dihalau keluar adalah tidak tepat kerana mereka telah menandatangani surat tawaran penyelesaian dan akan diberi ganti rumah berkeluasan 1,000 kaki persegi secara percuma serta elaun pindah keluar sebanyak RM4,000.00, elaun sewa bulanan RM500.00 dan elaun pindah masuk sebanyak RM3,500.00. Tawaran untuk mereka juga adalah sama seperti 32 orang penghuni yang telah keluar sejak 9 tahun yang lepas.**



Sumber dari Harian Metro

AKTIVITI WARGA EMAS DI DARUL HANAN

Rasulullah SAW telah menyebut berkenaan kelebihan dan keutamaan dalam menjaga dan berbakti kepada kedua orang tua.

Maksudnya: "Aku bertanya kepada Rasulullah SAW berkenaan amalan apakah yang paling afdhal, lalu Baginda menjawab: "Solat pada waktunya." Kemudian aku bertanya lagi, apakah amalan yang seterusnya? Jawab Baginda: "Berbakti kepada kedua ibubapa." Kemudian aku bertanya, apakah lagi seterusnya? Jawab Baginda: "Berjihad di jalan Allah."
Riwayat al-Bukhari (85)

Rasulullah SAW menyebut berbakti kepada ibu bapa sebagai amalan kedua yang dicintai oleh Allah. Ini kerana kedua ibu bapa merupakan sebab kewujudan anak-anak dan hak mentaati mereka berada selepas hak Allah SWT. Berbakti kepada ibubapa hukumnya **wajib** ke atas semua yang bergelar anak.



Warga Emas Darul Hanan sedang menjalankan aktiviti santai

INAPAN KASIH SAYANG



Aktiviti anak-anak di Inapan Kasih Sayang

Inapan Kasih Sayang ditubuhkan bagi membantu anak-anak asnaf mendapat pendidikan yang lengkap dan sempurna dari sekolah sehingga ke peringkat asrama melalui pembiayaan yuran dan bantuan pakaian seragam sekolah, kemudahan kelas tuisyen, kelas agama, perpustakaan mini, bilik komputer dan sebagainya.

Pengurusan Kompleks Inapan Kasih Sayang

- Inapan Kasih Sayang (IKS) ditubuhkan bagi membantu anak-anak asnaf mendapat pendidikan yang lengkap dan sempurna dari sekolah sehingga ke asrama melalui pembiayaan yuran dan bantuan pakaian seragam sekolah, kemudahan kelas tuisyen, kelas agama, perpustakaan mini, bilik komputer dan sebagainya.
- Penghuni terdiri daripada anak-anak asnaf tahun 4 dan 6
- Lokasi kompleks terletak di Pongsu Seribu.
- Perbelanjaan tahunan berjumlah *RM1.7 Juta.

*tertakluk pada perubahan

zakatpenang

Asrama ini terdiri dari tiga blok utama iaitu asrama lelaki, asrama perempuan dan bangunan pentadbiran termasuk pejabat, dewan utama, dewan makan dan surau. Asrama ini mempunyai 60 bilik dengan jumlah penghuni bagi setiap bilik adalah seramai 3 orang. Semua penghuni asrama ini bersekolah di Sekolah Kebangsaan Ara Rendang, Kepala Batas.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi **04-575 0408**



WAKTU KAUNTER PEMBAYARAN MAINPP

ISNIN - KHAMIS

8:00 PAGI - 1:00 TENGAH HARI

2:00 PETANG - 5:00 PETANG

JUMAAT

8:00 PAGI - 12:15 TENGAH HARI

2:45 PETANG - 5:00 PETANG

TANGANI ISU LAMBANG SALIB SECARA BIJAKSANA

Saya rasa terpanggil untuk memberi sedikit komen mengenai dakwaan yang dibuat oleh pihak tertentu yang tular di media sosial iaitu mengenai paparan lambang salib di Bangunan Grace Residence, Jelutong, Pulau Pinang. Saya berpendapat isu ini perlu ditangani secara cermat dan bijaksana mengikut saluran undang-undang sedia ada. Pihak berkuasa perlu menyelidiki terlebih dahulu adakah kejadian ini sengaja dilakukan atau hanya secara kebetulan sahaja.

Apapun tindakan yang akan diambil berkaitan isu ini nanti hendaklah mempertimbangkan keseimbangan di antara kebebasan beragama yang menjadi hak setiap warganegara Malaysia dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara ini.

Perlembagaan Persekutuan juga melarang usaha mempromosi atau menyebarkan agama lain di kalangan masyarakat yang beragama Islam. Sehubungan itu saya ingin menyeru semua pihak agar sentiasa berhati-hati dalam tindak tanduk masing-masing supaya tidak mengeruhkan suasana.

Hubungan harmoni perlu dalam hubungan antara sesama warganegara Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum dan berbeza kepercayaan agama. Perlu difahami bahawa menurut agama Islam satu keburukan tidak harus dihapuskan dengan keburukan yang lebih besar. Sesuatu perkara yang tidak diinginkan tidak boleh diselesaikan dengan hanya menzahir perasaan marah sahaja, sebaliknya ia perlu ditangani dengan waras dan cermat mengikut saluran-saluran yang sah di sisi undang-undang.

Kita yakin kemelut ini boleh diselesaikan dengan mudah sekiranya semua pihak bersedia untuk bertolak ansur demi kebaikan bersama. Untuk itu saya dengan penuh harapan meminta pihak Kerajaan Negeri, menerusi Pejabat Timbalan Ketua Menteri 1 dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan seberapa segera mengarahkan pihak Pemaju mengubah kedudukan lampu-lampu di bangunan tersebut supaya tidak kelihatan seperti lambang salib yang tidak disenangi oleh kalangan tertentu dan yang menjadi objek bantahan mereka.

DATO' SERI DR WAN SALIM WAN MOHD NOOR
MUFTI PULAU PINANG

Ihsan dari laman sosial Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA Hujung Minggu BHPLUS

ISU paparan lambang salib di Grace Residence, Jelutong yang heboh di media sosial. - Foto ihsan pembaca

Mufti PP mahu kerajaan negeri selesaikan isu salib

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@nstp.com.my

GEORGETOWN: Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor, meminta kerajaan negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyelesaikan isu paparan lambang salib di Grace Residence, Jelutong, di sini.

Bellau berkata, pihaknya yakin kemelut itu boleh diselesaikan dengan mudah sekiranya semua pihak sedia bertolak ansur demi kebaikan bersama.

"Saya berpendapat isu ini perlu ditangani secara cermat dan bijaksana mengikut saluran undang-undang sedia ada.

"Pihak berkuasa perlu menyelidiki terlebih dulu adakah kejadian ini sengaja dilakukan atau hanya secara kebetulan saja.

"Untuk itu, saya dengan penuh harapan meminta kerajaan negeri, menerusi Pejabat Timbalan Ketua Menteri 1 dan MBPP, dengan seberapa segera mengarahkan pemaju mengubah kedudukan lampu-lampu di bangunan terbabit supaya tidak kelihatan seperti lambang salib yang tidak disenangi oleh kalangan tertentu dan yang menjadi objek bantahan mereka," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Sumber dari Berita Harian online



Gambar Ihsan Google

Apa Itu HARTA LUQATAH?



Pengertian

Dari segi bahasa, **luqatah** ialah sesuatu yang ditemui di tanah. Menurut syarak pula **luqatah** ialah harta yang ditemui di suatu kawasan yang tidak dimiliki, tidak dijaga dan penemu tidak mengenali pemilikinya.

Luqatah juga bermaksud harta yang hilang dari tuannya dan dijumpai oleh orang lain. Ia juga melibatkan barang-barang seperti barang kemas, jam, wang dan sebagainya yang dijumpai oleh seseorang dan diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk ditadbirkan mengikut hukum syarak.



Hukum Pemilikan Harta Luqatah

- Apabila seorang muslim menemui barangan luqatah, dia digalakkan mengambilnya jika yakin mampu bersifat amanah dan bimbang barangan tersebut tidak akan ditemui oleh pemiliknya. Ini dilakukan bagi menjaga hak saudara muslimnya.
- Jika dia tidak yakin akan bersifat amanah dan bimbang dia sendiri akan mengambil terus barang tersebut, **makruh** jika dia mengambilnya.
- Jika dia merasakan dirinya tidak akan bersikap amanah dan akan mengambilnya untuk memilikinya dan bukan untuk dikembalikan, **haram** baginya untuk mengambilnya. Rasulullah S.A.W pernah menyentuh perkara ini:

"Orang Yang Mengambil Barang Yang Hilang Adalah Berdosa Selagi Dia Tidak Menghebahkannya."



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

Tingkat 8 & 9, Menara JKP

128, Jalan Macalister, 10400 PULAU PINANG.

TEL: 04-226 0305 FAKS: 04-226 0380

“Harta Luqatah Yang Dijumpai Hendaklah Diserahkan Kepada MAINPP Bagi Tujuan Hebahan”

Dalil Berkaitan Harta Luqatah

Zaid bin Khalid Al-Juhani meriwayatkan, seorang lelaki bertanya Rasulullah S.A.W berkenaan dengan harta luqatah lalu Baginda bersabda:

"Hebahkanlah harta tersebut selama setahun"
(Al-Bukhari dan Muslim)

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

"Tidak halal harta luqatah, sesiapa yang mempunyai sesuatu harta maka hendaklah dihebahkan selama setahun"
(Al-Daruqutni)

Ketika ditanya tentang Harta Luqatah Rasulullah S.A.W bersabda:

"Kenalilah akan ikatan yang mengikat harta tersebut serta bekasnya, kemudian hebahkanlah selama setahun. Sekiranya kamu tidak menemui tuannya maka kamu boleh memilikinya dan membelanjakannya, dan hendaklah ia dijadikan sebagai barang simpanan di bawah jagaan kamu. Sekiranya pada suatu hari datang tuannya kepada kamu maka berikanlah kepadanya."
(Al-Bukhari)

Sejarah **MASJID KAPITAN KELING**

Masjid Kapitan Keling yang terletak di Lebuah Pitt adalah masjid tertua di Georgetown, Pulau Pinang. Ia dibina di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang oleh tentera Syarikat India Timur apabila mereka tiba di Pulau Pinang pada akhir abad ke-18. Masjid yang dibina pada tahun 1801 dengan ciri binaan 'Moorish' itu menjadi antara bukti kehadiran ramai pedagang, peniaga dan pekerja beragama Islam dari seluruh dunia ke Pulau Pinang selepas Francis Light mendarat di Tanjung Penaga.

Seorang ketua kaum India Muslim, iaitu Caudeer Mohudeen yang juga dikenali sebagai Kapitan Kling telah memohon tanah dan mendapat kelulusan bagi tanah seluas 18 ekar pada November 1801 bagi pembinaan masjid. Tambahan pula, Masjid Kapitan Keling turut menjadi paksi pengembangan syiar Islam di Pulau Mutiara dan tersenarai antara Tapak Warisan Dunia UNESCO genap berusia 218 tahun pada tahun ini. Selain itu, masjid yang masih berdiri teguh itu kekal menyimpan pelbagai lipatan sejarah termasuk pernah menjadi lokasi tumpuan kepada jemaah haji yang mahu berangkat ke Makkah melalui kapal di Pelabuhan Pulau Pinang.

Masjid di atas tapak seluas 3.3 hektar di Lebuah Pitt itu pada asalnya hanya diterangi cahaya pelita yang diletak di dinding, bagi menerangi ruang solat dan membantu jemaah yang hadir ketika solat Maghrib, Isyak dan Subuh. Difahamkan juga, masjid yang pernah menjadi Masjid Negeri Pulau Pinang itu pada mulanya hanya mampu memuatkan kira-kira 200 jemaah, namun selepas kerja naik taraf dan pembangunan dilakukan semula yang dibesarkan mulai tahun 1909 sehingga kini mampu menampung lebih 2,000 jemaah.



MAJLIS PERPISAHAN

ENCIK AKHMAR BIN MOHD. MOKHTAR, JURUTERA MAINPP

Menyumbangkan tenaga dan khidmat sekitar tahun 2015 bermula sebagai Penolong Jurutera kemudian kerjayanya berkembang sebagai Jurutera di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Semoga beliau, Mohd Akhmar Bin Mohd Mokhtar terus berjaya dan sukses dalam kehidupan dan kerjaya.

MAINPP mengucapkan sekalung tahniah atas sumbangan dan khidmat beliau sepanjang berkhidmat di MAINPP.





Tak tahu cara nak mewakafkan harta anda?

Anda cuma perlu menghantar permohonan mewakafkan tanah beserta dokumen berikut ke Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

- ◆ Borang permohonan mewakafkan tanah
- ◆ Geran Asal
- ◆ Salinan Cukai Tanah Tahun semasa
- ◆ Salinan Kad Pengenalan
- ◆ Lain-lain dokumen sokongan

Anda juga boleh menghubungi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang di nombor telefon 04 2260305 atau emel di mainpp@mainpp.gov.my

قَوْلًا وَتَمِينًا
WAKAF PULAU PINANG

APA ITU WAKAF?

WAKAF IALAH SESEORANG MENGHENTIKAN HAK MILIK SESUATU HARTA & MENAHAN DIRI DARIPADA MENGGUNAKANNYA DENGAN CARA MENYERAHKAN HARTA ITU KEPADA PENGELOLA UNTK DIGUNAKAN BAGI KEPENTINGAN UMUM.

PROJEK WAKAF

- 1 **WAKAF MADRASAH MIFTAHUL IRFAN**
KEPERLUAN DANA: RM 1.6 JUTA
PEMBELIAN TANAH
- 2 **WAKAF AM (TUNAI)**
KEPERLUAN: UNTUK PEMBELIAN ASET (BANGUNAN/TANAH) DI PULAU PINANG
- 3 **WAKAF PUSAT PENDIDIKAN AL-ITQAN**
KEPERLUAN DANA: RM 2.5 JUTA
PEMBELIAN TANAH RM80/KAKI PERSEGI
- 4 **PEMBANGUNAN PROJEK HARTANAH WAKAF :-**
 - WAKAF SETEE AISAH 1, SEBERANG JAYA
 - WAKAF SETEE AISAH 2, SEBERANG JAYA
 - WAKAF MD HASHIM, SEBERANG JAYA
 - PANGSAPURI WAKAF AN-NUR, TELUK AIR TAWAR
 - PANGSAPURI WAKAF SITI & HAJAH NORIJAH, SG NIBONG

DALIL
"Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipat gandakan bagi siapa yang Dia kehendaki, dan Allah Mahaluas, Maha Mengetahui."
(QS. Al-Baqarah:261)

HUBUNGI
WAKAF PULAU PINANG SDN BHD
No 2&4, Kampung Kaka, Georgetown
10200 Pulau Pinang.
04-251 9917 / 251 9720

Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd www.wakafpenang.com

#pakatmaiberwakaf



Berwakaf serendah



Melalui

potongan
gaji bulanan

wakaf tunai

wakaf khas

HUBUNGI

WAKAF PULAU PINANG SDN BHD

No 2&4, Kampung Kaka, Georgetown

10200 Pulau Pinang.

04-251 9917 / 251 9720



Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd



www.wakafpenang.com

#pakatmaiberwakaf



الكلية الإسلامية التكنولوجية العالمية بينانج
**KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI
ANTARABANGSA (KITAB)
PULAU PINANG**

AMBILAN

JANUARI,

MEI &

SEPTEMBER

**REBAT ISTIMEWA UNTUK
PENDAFTARAN AWAL**

- **SIJIL/INTENSIF**
- **DIPLOMA 3 KREDIT SPM**
- **IJAZAH SARJANA MUDA (MQA : FA 1502)**

DISKAUN
RM500 UNTUK DIPLOMA
RM300 UNTUK INTENSIF



+60 4 835 1688



kolej islam teknologi antarabangsa pulau pinang-rasmi



www.kitab.edu.my



[kitapulaupinang](https://www.instagram.com/kitaupinang)